



# **MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT PROJEK AGROPOLITAN GAHAI**

## **UCAPAN**

**YANG BERTAMBAH DATO' SERI HJ. MOHD. SHAFIE BIN HJ. APDAL,  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DI DEWAN SERBAGUNA AGROPOLITAN GAHAI  
KUALA LIPIS, PAHANG.  
9 JULAI 2009  
11.15 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Hassan bin Malek  
Timbalan Menteri KKLW

Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun  
Timbalan Menteri KKLW

Yang Berhormat Dato' Wan Rosdy bin Wan Ismail  
Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli  
Negeri Pahang

Yang Berhormat Dato' Devamany  
Ahli Parlimen Cameron Highlands

Yang Berhormat Dato' Shahrom  
Ahli Parlimen Lipis

Yang Berbahagia Dato' Zainal bin Osman  
Penasihat KKLW

Yang Berbahagia Dato' Abd. Jabar bin Che Nai  
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan  
Wilayah

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Ketua-Ketua Agensi di bawah KKLW

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Pahang

Pemimpin-pemimpin tempatan serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
yang dihormati sekalian.

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini dan bertemu dengan Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, peserta Projek Agropolitan Gahai ini. Saya berharap Dato'2, Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan

4

tanggungjawab kita. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan RISDA sebagai Agensi Pelaksana Agropolitan Gahai ini atas kesudian mengatur lawatan saya di sini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada YB Dato' Wan Rosdy bin Ismail, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang asli Negeri Pahang serta Ahli Parlimen Cameron Highlands dan Lipis atas keperihatinan untuk hadir bersama dalam Majlis ini. Juga terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Agensi di bawah KKLW serta Ketua Jabatan Negeri Pahang atas sokongan yang diberikan untuk menjayakan program KKLW. Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua peserta-peserta Projek ini ke

5

Majlis ini. Saya merasa amat berbangga dan bertuah kerana dapat berjumpa secara langsung dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

## **2. TUJUAN LAWATAN**

Tujuan Lawatan saya ke sini adalah untuk memantau dan memastikan sendiri Projek Agropolitan Gahai yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjalan dengan baik, pelaksanaannya tercapai seperti yang di rancang serta impaknya dinikmati oleh peserta-peserta projek seperti yang diharapkan. Walaupun setiap minggu saya terima Laporan Kemajuan Projek ini serta dibincangkan dalam Mesyuarat

6

Pengurusan Kementerian tetapi saya ingin melihat sendiri pelaksanaan sebenarnya di lapangan. Dalam hal ini, saya mengambil pendekatan dan saranan Y.A.B. Perdana Menteri kita supaya 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'. Dengan itu, saya ingin memastikan program yang di rencana oleh Kementerian ini dilaksanakan secara cekap dan berkesan dan mempunyai impak kepada pesertanya.

### **3. MATLAMAT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

Kerajaan telah menetapkan untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar kepada 2.9%

7

menjelang 2010. Di dalam usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar, komitmen yang diberikan oleh pihak kerajaan terhadap penduduk luar bandar amatlah besar. Kerajaan amat peka kepada segala kehendak serta keperluan daripada kumpulan sasar kita ini iaitu masyarakat luar bandar. Ini dapat kita lihat melalui bajet 2009 KKLW, dimana sumber bantuan langsung kerajaan yang di terima sebanyak .....juta boleh digunakan bagi melaksanakan program pembangunan luar bandar. Perlantikan saya sebagai Menteri KKLW juga adalah untuk membantu masyarakat luar bandar miskin yang memerlukan sokongan dan bantuan daripada kementerian ini. Kita telah

8

diamanahkan untuk membela nasib penduduk luar bandar. Bagi RISDA, saya difahamkan daripada 2,392 pekebun kecil miskin tegar yang telah dikenalpasti pada tahun 2006, RISDA telah berjaya mengeluarkan 100% pekebun kecil miskin tegar keluar dari garis kemiskinan tegar pada penghujung tahun 2008. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada RISDA!

#### **4. PROJEK AGROPOLITAN SEBAGAI WAHANA PEMBASMIAN KEMISKINAN**

Bagi mencapai matlamat pembasmian kemiskinan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah merangka Projek

9

Agropolitan. Malah Projek Agropolitan ini juga merupakan manifestasi Kerajaan melalui KKLW untuk membantu masyarakat luar bandar yang miskin tegar supaya keluar dari garis kemiskinan. Program ini memberi fokus kepada pembangunan ekonomi, prasarana fizikal dan pembangunan manusia. Kawasan yang diberi keutamaan ialah kawasan luar bandar yang mundur, terpencil dan terbiar tetapi mempunyai potensi ekonomi yang tinggi seperti aktiviti pertanian, pelancongan dan industri yang boleh menjana pembangunan di kawasan tersebut. Projek Agropolitan yang pertama iaitu Agropolitan Pulau Banggi telah disempurnakan oleh Y. A. B. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad

Badawi, Perdana Menteri pada 11 Ogos 2007 di Pulau Banggi, Sabah. Agropolitan Gahai ini merupakan Projek Agropolitan Yang kedua yang dirasmikan juga oleh Y. A. B. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri pada 5 Ogos 2008. Agensi Pelaksana Agropolitan Pulau Banggi adalah FELCRA manakala Agropolitan Gahai adalah RISDA. Projek Agropolitan yang masih dalam perancangan adalah di Ganda, Perak dan Chemomoi, Pahang yang akan dilaksanakan oleh RISDA serta Agropolitan RKT KESEDAR Kelantan.

#### **4. PENCAPAIAN PROJEK AGROPOLITAN GAHAI**

Berdasarkan maklumat yang saya terima, projek ini mempunyai keluasan keseluruhan sejumlah 222.58 hektar dimana komponen Ladang Sejahtera adalah 202.34 hektar, ladang Komersil Nanas seluas 14.16 hektar dan kawasan penempatan atau rumah seluas 6.07 hektar. Pesertanya terdiri daripada 50 orang milikan rumah, ladang komersil dan saham manakala 30 orang lagi milikan saham sahaja. Syer ladang adalah 2.259 hektar seorang dan syer ladang komersil adalah 0.28 hektar seorang.

Setakat ini, getah telah ditanam seluas 194.58 hektar dan sejumlah 105,264 pokok telah ditanam mulai Ogos 2007 dengan klon RRIM 2002, RRIM 2025, PB 260 dan PB 350. Pokok getah boleh di toreh bila ukur lilit pokok mencapai 45cm. Untuk mencapai matlamat ini, amalan pertanian dan teknologi yang baik perlu dilaksanakan supaya pokok boleh di toreh dalam tempoh 4 ½ tahun. Daripada pengamatan RISDA, purata ukir lilit yang telah di capai setakat ini adalah 15 cm malah ada yang telah mencapai 30 cm, iaitu satu pencapaian yang amat memuaskan. Dari jangkaan RISDA, 60% pokok getah ini boleh di toreh dalam tempoh 4 ½ tahun iaitu mulai bulan November 2011 dan bakinya menjelang

13

2012. Bila berhasil nanti, bilangan penoreh yang diperlukan dengan sistem torehan S/2, D/2 adalah 98 orang. Oleh itu saya sangat berharap agar tuan-tuan dan puan-puan peserta sendiri akan bekerja dan menoreh di ladang ini kelak. Saya difahamkan bila berhasil nanti, jika peserta menoreh dan bekerja di ladang, seorang peserta boleh memperoleh pendapatan dari RM 1,000 ke RM 2,500 sebulan. Setakat ini hanya 6 orang peserta dan 6 orang Asli sahaja yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ladang getah dan pendapatan purata mereka sebulan adalah RM700.00.

14

Bagi Ladang Komersil Nanas pula, saya difahamkan sejumlah 420,000 pokok telah ditanam mulai April 2008 dengan sumber benih daripada Lembaga Penanaman Nenas Malaysia. Daripada 50 orang peserta, hanya 12 orang iaitu 6 peserta dan 6 orang ahli isi rumah yang bekerja di ladang nenas ini. Pemasaran nenas dilaksanakan dengan kerjasama pihak FAMA. Jangkaan pendapatan sampingan melalui dividen bagi seorang peserta adalah RM 250 sehektar sebulan manakala bagi yang bekerja di ladang komersil, tambahan pendapatan adalah RM 400.

Rumusannya, seorang peserta boleh memperoleh pendapatan dari RM1,000 ke RM 2,500 sebulan jika mereka menoreh dan

15

bekerja di Ladang Sejahtera getah dan tambahan RM 400 ke RM 700 sebulan jika mereka bekerja di Ladang Komersil Nanas. Oleh itu, jumlah pendapatan yang boleh diperolehi oleh peserta jika bekerja di kedua-dua ladang sejahtera dan ladang komersil adalah di antara RM1,400 ke RM3,200 sebulan. Dengan pendapatan ini, tuan-tuan dan puan-puan pasti keluar dari garis kemiskinan.

## **5.0 KOMITMEN DAN SOKONGAN PADU PESERTA**

Pada hari ini, kita akan menyampaikan Surat tawaran kepada peserta-peserta Agropolitan Gahai. Saya mengucapkan tahniah kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang terpilih sebagai peserta

16



Agropolitan Gahai ini. Sebagai peserta, Tuan-Tuan dan Puan-Puan menikmati kemudahan rumah, pendapatan dan syer dari ladang getah dan nanas, kemudahan prasarana jalan, air, elektrik serta dewan, surau, Taska dan banyak lagi kemudahan lain.

Walau bagaimana pun, kejayaan Agropolitan Gahai tidak bergantung kepada Menteri, Timbalan menteri, Kementerian ataupun RISDA tetapi bergantung kepada komitmen dan sokongan padu daripada tuan-tuan dan puan-puan sendiri. Tuan-tuan dan puan-puan haruslah bersikap positif, rajin dan berusaha

17

untuk terus berjaya. Bak kata pepatah, 'Alang-alang berhuma, biar sampai padi menjadi, Alang-alang menanam, biar sampai menuai'.

## **5.0 PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Pihak kerajaan telah melihat bahawa salah satu faktor yang menjadi penyumbang utama terhadap kesejahteraan dan pembangunan keluarga masyarakat luar bandar adalah elemen pendidikan yang berterusan. Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sentiasa perihatin dalam usaha untuk membangunkan modal insan masyarakat luar bandar. Oleh yang demikian Kementerian telah menyahut seruan kerajaan yang ingin

18

membangunkan masyarakat luar bandar melalui saluran pendidikan bagi membentuk dan mewujudkan masyarakat luar bandar yang berjaya. Bukan setakat pelajaran anak sahaja, bahkan kita juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan supaya dapat berdaya saing dan berdaya tahan dalam zaman globalisasi yang kian mencabar ini. Pendidikan adalah pintu kepada dunia dan kunci kepada kehidupan, ketamadunan serta kekuatan bangsanya. Apa yang kita lakukan atau tidak lakukan akan menentukan masa depan kita. Berdasarkan ini, Peserta-peserta juga di beri latihan dan kemahiran melalui INFRA, RISDA

19

dan juga KEMAS supaya minda peserta dapat diperkasakan untuk mengharungi perubahan-perubahan yang berlaku.

## **6.0 PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Wan Rosdy bin Ismail, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang serta Ahli Parlimen Cameron Highlands dan Lipis. Juga terima Kasih kepada Yg. Bhg. Dato' Abd. Jabar bin Che Nai, KSU KKLW kerana mengaturkan lawatan ini. Setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA kerana

20

melaksanakan Agropolitan Gahai dengan jayanya setakat ini. Semoga lawatan kerja saya ini memberi manfaat dan penambahbaikan untuk kita lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup yang lebih tinggi. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**